

SKIM INSENTIF PENERBITAN BUKU DAN JURNAL

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 13 Disember 2011 14:57

Kepada: UUM - All Staff



Jabatan Pendaftar

REGISTRARS OFFICE

Universiti Utara Malaysia

13 DISEMBER 2011
17 MUHARAM 1433H**SKIM INSENTIF PENERBITAN BUKU DAN JURNAL**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-75, pada 1 November 2011 telah meluluskan Skim Insentif Penerbitan Buku dan Jurnal. Matlamat utama pewujudan skim ini adalah:

1. Untuk memberikan insentif atau ganjaran kepada ahli akademik UUM yang telah menulis dan menerbitkan buku atau bab dalam buku
2. Untuk memberi galakan dan dorongan kepada ahli akademik untuk menjana penulisan yang berkualiti dan meningkatkan penerbitan.

Syarat untuk memohon skim ini adalah seperti berikut:

- i. Semua pegawai akademik yang masih berkhidmat dengan UUM dan mempunyai penerbitan jurnal, buku dan bab dalam buku.
- ii. Jika terdapat penulis bersama dari dalam UUM maka disarankan ganjaran dibahagikan seperti yang telah dipersetujui bersama.
- iii. Senarai penerbit antarabangsa dan kebangsaan yang diperakui adalah seperti yang dikemukakan di Lampiran 4. Bagi penerbit luar yang tidak disenaraikan, maka ganjaran akan diberi mengikut kadar peringkat kebangsaan.
- iv. Had maksimum bagi pemberian insentif adalah RM15,000.00.

Cadangan pemberian insentif adalah dalam bentuk WANG TUNAI kepada pensyarah. Cadangan skim adalah seperti berikut: